

**TERMA TERMA DAN SYARAT SYARAT**  
Kempen CIMB Mastercard Pulangan Tunai Sehingga 50% untuk Tiket Penerbangan

1. Kempen CIMB Mastercard Pulangan Tunai Sehingga 50% untuk Tiket Penerbangan ("**Kempen**") adalah anjuran CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**"). CIMB Bank adalah dirujuk di sini sebagai "**CIMB**".

**Tempoh Kempen**

2. Kempen akan bermula dari 1 Julai 2025 sehingga 31 Mac 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**") berdasarkan Tiga (3) kitaran Suku Kempen seperti berikut.

| Suku Kempen | Tempoh Perbelanjaan                      |
|-------------|------------------------------------------|
| 1           | 1 Julai 2025 sehingga 30 September 2025  |
| 2           | 1 Oktober 2025 sehingga 31 Disember 2025 |
| 3           | 1 Januari 2026 sehingga 31 Mac 2026      |

3. CIMB berhak memberikan notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

**Kelayakan**

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit utama CIMB Travel World Elite Mastercard dan CIMB Travel World Mastercard ("**Peserta Yang Layak**"). Kad Kredit CIMB Travel World Elite Mastercard dan CIMB Travel World Mastercard untuk Peserta Yang Layak adalah secara kolektif dirujuk sebagai "**Kad Kredit Yang Layak**".
5. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta yang Layak untuk memastikan nombor mudah alih milik mereka ("**Maklumat Perhubungan**") yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat perubahan yang dilakukan oleh mereka. CIMB berhak membatalkan "Pulangan Tunai" sekiranya Maklumat Perhubungan milik Peserta Yang Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskinikan. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan akibat daripadanya) yang ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak terkini atau tepat.

**Syarat-syarat dan Mekanik Kempen**

6. Peserta Yang Layak mesti memenuhi "**Kriteria Kempen**" menggunakan Kad Kredit Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.0 berikut untuk mendapatkan Pulangan Tunai:

| Peringat | Kriteria Kelayakan 1<br>(Transaksi Penerbangan Layak)                                                              | Kriteria Kelayakan 2 (Baki CASA / Perbelanjaan Asing)                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Pulangan Tunai<br>(Memenuhi Kriteria 1 & 2)                                                                                                                                                                             |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1        | Sebarang transaksi yang dibuat pada 'Syarikat Penerbangan Layak' dengan minimum RM1,500 setiap transaksi           | Mengekalkan <b>Baki Purata Suku<sup>1</sup></b> minimum sebanyak <b>RM100,000</b> dalam Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB bagi setiap Suku Kempen<br><br>ATAU<br><br><b>Perbelanjaan terkumpul</b> minimum sebanyak <b>RM20,000</b> untuk ' <b>Transaksi Perbelanjaan Asing Layak</b> ' sepanjang Tempoh Kempen (9 Bulan) | <b>Pulangan Tunai 30%</b> bagi ' <b>Transaksi Penerbangan Layak</b> ' tertinggi yang dilakukan dalam setiap Suku Tahunan Kempen, dengan had maksimum RM500 setiap Suku Kempen dan RM1,500 sepanjang Tempoh Kempen       |
| 2        | Sebarang transaksi yang dibuat pada 'Syarikat Penerbangan Layak' dengan minimum RM1,500 setiap transaksi           | Mengekalkan <b>Baki Purata Suku<sup>1</sup></b> minimum sebanyak <b>RM150,000</b> dalam Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB bagi setiap Suku Kempen<br><br>ATAU<br><br><b>Perbelanjaan terkumpul</b> minimum sebanyak <b>RM40,000</b> untuk ' <b>Transaksi Perbelanjaan Asing Layak</b> ' sepanjang Tempoh Kempen (9 Bulan) | <b>Pulangan Tunai 40%</b> bagi ' <b>Transaksi Penerbangan Layak</b> ' tertinggi yang dilakukan dalam setiap Suku Tahunan Kempen, dengan had maksimum RM1,000 setiap Suku Kempen dan RM3,000 sepanjang Tempoh Kempen     |
| 3        | Sebarang transaksi-transaksi yang dibuat pada 'Syarikat Penerbangan Layak' dengan minimum RM1,500 setiap transaksi | Mengekalkan <b>Baki Purata Suku<sup>1</sup></b> minimum sebanyak <b>RM250,000</b> dalam Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB bagi setiap Suku Kempen<br><br>ATAU<br><br><b>Perbelanjaan terkumpul</b> minimum sebanyak <b>RM60,000</b> untuk ' <b>Transaksi Perbelanjaan Asing Layak</b> ' sepanjang Tempoh Kempen (9 Bulan) | <b>Pulangan Tunai 50%</b> bagi 2 ' <b>Transaksi Perbelanjaan Layak</b> ' tertinggi yang dilakukan dalam setiap Suku Tahunan Kempen, dengan had maksimum RM2,000 setiap Suku Kempen dan RM6,000 sepanjang Tempoh Kempen. |

Jadual 1.0: Kriteria Kempen

<sup>1</sup>Baki Purata Suku' ditakrifkan dalam Klausa 6 (ii) di bawah

- i) **‘Transaksi Penerbangan Layak’** merujuk kepada transaksi yang dibuat secara langsung dengan **Syarikat Penerbangan Layak** berikut yang dibil di bawah Kod Kategori Pedagang tertentu yang diluluskan oleh CIMB serta dibil pada Kad Kredit yang Layak sepanjang Tempoh Kempen dan Suku Kempen yang berkenaan;

| Syarikat Penerbangan Layak                                                                    | Kod Kategori Pedagang     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|
| Sebarang transaksi pada Syarikat Penerbangan di bawah Kod Kategori Pedagang yang disenaraikan | 3000 to 3303, 3308 & 4511 |

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang transaksi penerbangan yang dibuat melalui Agensi Pelancongan dan/atau Agensi Pelancongan Dalam Talian dan/atau mana-mana pengumpul/platform tempahan yang tidak dilakukan secara langsung melalui Syarikat Penerbangan Layak yang disenaraikan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Penerbangan Layak dan tidak layak untuk Pulangan Tunai.

- ii) **"Baki Purata Suku" ("QAB")** merujuk kepada jumlah baki harian pada akhir hari bagi CASA/-i Layak sepanjang Suku Kempen yang dibahagikan dengan bilangan hari dalam Suku Kempen berkenaan;
- iii) **‘Transaksi Perbelanjaan Asing Layak’** merujuk kepada transaksi mata wang asing di mana transaksi tersebut adalah dalam mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia (RM). Transaksi Perbelanjaan Asing Layak akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk tujuan penjejakan dan pengiraan Pulangan Tunai Bulanan, berdasarkan kadar tukaran semasa CIMB. Jika jumlah pembelian bagi Transaksi Mata Wang Asing ditukar kepada Ringgit Malaysia di titik jualan melalui Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC), transaksi tersebut akan dikategorikan sebagai Transaksi Tempatan. Untuk penjelasan, satu transaksi hanya akan dianggap sebagai Transaksi Mata Wang Asing jika kod mata wang transaksi tersebut adalah dalam mana-mana mata wang asing selain Ringgit Malaysia (RM).
7. Tertakluk kepada Klausa 13 terma dan syarat ini, bagi layak menerima Pulangan Tunai, Peserta Layak mesti membuat “Transaksi Penerbangan Layak” menggunakan Kad Kredit yang Layak pada Syarikat Penerbangan Layak dan memenuhi Kriteria Kelayakan 1 dan 2 berkenaan seperti yang diperincikan dalam Klausa 6 di atas.
8. Ilustrasi senario Peserta Layak yang membuat Transaksi Penerbangan Layak, memenuhi kriteria kelayakan dan memperoleh Pulangan Tunai seperti berikut:

**Peserta Layak A – Pelanggan yang memenuhi syarat Baki Purata Suku**

| Suku Kempen                 | Transaksi Penerbangan Layak | Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i | Transaksi Perbelanjaan Asing Layak Berkumpul | Pulangan Tunai            | Bulan Pemenuhan | Catatan                                                |
|-----------------------------|-----------------------------|-------------------------------------|----------------------------------------------|---------------------------|-----------------|--------------------------------------------------------|
| 1<br>(Jul 2025 – Sept 2025) | RM1,500<br>(Cathay Pacific) | RM100,000<br>(Memenuhi Kriteria)    | RM1,000                                      | 30% pada transaksi Cathay | Okt 2025        | Pulangan Tunai 30% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan |

|                            |  |                                                     |         |                                           |                 |                                                                                                         |
|----------------------------|--|-----------------------------------------------------|---------|-------------------------------------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                            |  | Kelayakan Peringkat 1)                              |         | Pacific @ RM450                           |                 | memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 1                                                                 |
| 2<br>(Okt 2025 – Dec 2025) |  | RM150,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | RM1,000 | 10% pada transaksi Cathay Pacific @ RM150 | Jan 2026        | Tambahan Pulangan Tunai 10% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2 |
| 3<br>(Jan 2026 – Mac 2026) |  | RM150,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | RM1,000 | Tidak berkenaan                           | Tidak berkenaan | Tiada Pulangan Tunai kerana Peserta Layak A tidak membuat Transaksi Penerbangan Layak baru              |

Jumlah Pulangan Tunai untuk keseluruhan Tempoh Kempen: RM600

**Peserta Layak B – Pelanggan yang memenuhi syarat Baki Purata Suku**

| Suku Kempen                 | Transaksi Penerbangan Layak  | Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i                 | Transaksi Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul | Pulangan Tunai                                                                                 | Bulan Pemenuhan | Catatan                                                                                                 |
|-----------------------------|------------------------------|-----------------------------------------------------|----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1<br>(Jul 2025 – Sept 2025) | RM1,500 (Singapore Airlines) | RM100,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 1) | RM1,000                                      | 30% pada transaksi Singapore Airlines @ RM450                                                  | Okt 2025        | Pulangan Tunai 30% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 1          |
| 2<br>(Okt 2025 – Dec 2025)  | RM1,500 (Qatar Airways)      | RM150,000 (Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | RM1,000                                      | 10% pada transaksi Singapore Airlines @ RM150<br>+<br>40% pada transaksi Qatar Airways @ RM600 | Jan 2026        | Tambahan Pulangan Tunai 10% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2 |

|                            |  |                                                        |         |                 |                 |                                                                                                |
|----------------------------|--|--------------------------------------------------------|---------|-----------------|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                            |  |                                                        |         |                 |                 | Pulangan Tunai 40% bagi Suku Kempen 2 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2 |
| 3<br>(Jan 2026 – Mac 2026) |  | RM150,000<br>(Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | RM1,000 | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tiada Pulangan Tunai kerana Peserta Layak B tidak membuat Transaksi Penerbangan Layak baru     |

Jumlah Pulangan Tunai untuk keseluruhan Tempoh Kempen: RM1,200

**Peserta Layak C – Pelanggan yang memenuhi syarat Perbelanjaan Asing**

| Suku Kempen                 | Transaksi Penerbangan Layak | Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i | Transaksi Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul          | Pulangan Tunai                            | Bulan Pemenuhan | Catatan                                                                                                 |
|-----------------------------|-----------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------------------------|-------------------------------------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1<br>(Jul 2025 – Sept 2025) | RM1,500<br>(Cathay Pacific) | RM10,000                            | RM25,000<br>(Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 1) | 30% pada transaksi Cathay Pacific @ RM450 | Okt 2025        | Pulangan Tunai 30% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 1          |
| 2<br>(Okt 2025 – Dec 2025)  |                             | RM10,000                            | RM43,000<br>(Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | 10% pada transaksi Cathay Pacific @ RM150 | Jan 2026        | Tambahan Pulangan Tunai 10% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2 |
| 3<br>(Jan 2026 – Mac 2026)  |                             | RM10,000                            | RM45,000<br>(Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | Tidak berkenaan                           | Tidak berkenaan | Tiada Pulangan Tunai kerana Peserta Layak C tidak membuat Transaksi                                     |

|  |  |  |  |  |  |                        |
|--|--|--|--|--|--|------------------------|
|  |  |  |  |  |  | Penerbangan Layak baru |
|--|--|--|--|--|--|------------------------|

Jumlah Pulangan Tunai untuk keseluruhan Tempoh Kempen: RM600

**Peserta Layak D – Pelanggan yang memenuhi syarat Perbelanjaan Asing**

| Suku Kempen                 | Transaksi Penerbangan Layak     | Baki Purata Suku dalam CIMB CASA/-i | Transaksi Perbelanjaan Asing Layak Terkumpul          | Pulangan Tunai                                                                                             | Bulan Pemenuhan | Catatan                                                                                                                                                                                                       |
|-----------------------------|---------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1<br>(Jul 2025 – Sept 2025) | RM1,500<br>(Singapore Airlines) | RM10,000                            | RM25,000<br>(Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 1) | 30% pada transaksi Singapore Airlines @ RM450                                                              | Okt 2025        | Pulangan Tunai 30% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 1                                                                                                                |
| 2<br>(Okt 2025 – Dec 2025)  | RM1,500<br>(Qatar Airways)      | RM10,000                            | RM43,000<br>(Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | 10% pada transaksi Singapore Airlines @ RM150<br>+<br>40% pada transaksi Qatar Airways Transaction @ RM600 | Jan 2026        | Tambahan Pulangan Tunai 10% bagi Suku Kempen 1 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2<br><br>Pulangan Tunai 40% bagi Suku Kempen 2 kerana pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2 |
| 3<br>(Jan 2026 – Mac 2026)  |                                 | RM10,000                            | RM45,000<br>(Memenuhi Kriteria Kelayakan Peringkat 2) | Tidak berkenaan                                                                                            | Tidak berkenaan | Tiada Pulangan Tunai kerana Peserta Layak D tidak membuat Transaksi Penerbangan Layak baru                                                                                                                    |

Jumlah Pulangan Tunai untuk keseluruhan Tempoh Kempen: RM1,200

9. Bagi mengelakkan was-was, transaksi-transaksi berikut adalah secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak:-
- i) Transaksi dalam mata wang tempatan (RM);
  - ii) Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud atau yuran-yuran, caj-caj atau penalti-penalti yang lain samada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
  - iii) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai; dan
  - iv) Transaksi perbelanjaan yang kemudiannya dibatalkan atau dipulangkan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.

Apa-apa penentuan oleh CIMB sebagai apa Transaksi Perbelanjaan Asing Layak adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun kecuali yang sama dilihat sebagai terlalu tidak adil.

10. Sekiranya Peserta yang Layak mempunyai pelbagai kad kredit yang Layak, Semua Transaksi Perbelanjaan Asing Layak yang dibuat menggunakan semua Kad Kredit Layak pada akaun yang sama termasuk kad tambahan, akan digabungkan dan dianggap sebagai Transaksi Layak.
11. Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak akan dipantau secara automatik oleh CIMB untuk tujuan pemberian Pulangan Tunai. Pemantauan Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) yang direkodkan oleh CIMB sepanjang Tempoh Kempen.
12. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan dan/atau kesilapan atau kegagalan dalam penghantaran Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak ke akaun Kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak disebabkan oleh apa jua sebab yang ditimbulkan kerana kelewatan pada pihak peniaga melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian sengaja dan keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak dan/atau pengeposan Transaksi Penerbangan Layak dan Transaksi Perbelanjaan Asing Layak kepada Kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak oleh Mastercard, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama berlaku akibat kecuaiian melampau atau keingkaran CIMB.

#### **Pulangan Tunai dan Proses Kriteria Pemenuhan**

13. Jumlah Pulangan Tunai yang diperuntukkan untuk Kempen ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu (RM375,000) sahaja. Di mana akan terdapat Pulangan Tunai Suku sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh Lima Ribu (RM125,000) untuk setiap Suku Kempen. Pulangan Tunai akan diberikan kepada Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan secara “siapa cepat dia dapat”. Setelah dana Pulangan Tunai Suku habis diagihkan, Peserta Layak tidak akan layak menerima Pulangan Tunai untuk Suku Kempen berkenaan walaupun Peserta Layak memenuhi Kriteria Kelayakan dan Syarat Kempen.
14. CIMB akan membuat penentuan akhir mengenai pengiraan dan jumlah Cash Back yang akan dianggap betul kecuali terdapat ralat yang jelas. Peserta yang layak boleh menghubungi CIMB jika mereka percaya bahawa ralat tersebut telah berlaku. Pulangan Tunai tidak boleh ditukar kepada hadiah lain atau hadiah dengan nilai yang sama atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.

15. Tertakluk kepada Klausula 13 terma-terma dan syarat-syarat di sini, jumlah keseluruhan Pulangan Tunai Suku ("Pulangan Tunai") yang diperoleh sepanjang setiap Suku Kempen oleh setiap Peserta Layak akan dijumlahkan dan dikreditkan ke dalam akaun utama Kad Kredit yang Layak milik Peserta Layak dalam tempoh Satu (1) Bulan dari tamat setiap Suku Kempen ("Tempoh Penunaian Suku Tahunan"). Peserta Layak hendaklah memaklumkan kepada CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu dari setiap Tempoh Penunaian Suku Tahunan ("Tempoh Spesifik") sekiranya Pulangan Tunai tidak dikreditkan. Sekiranya Peserta Layak tidak memaklumkan kepada CIMB dalam Tempoh Spesifik, Pulangan Tunai akan dianggap telah berjaya dikreditkan.
16. Hanya Peserta Yang Layak yang adalah pemegang kad utama layak menerima Pulangan Tunai yang diganjarkan di bawah Kempen ini.
17. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai oleh Peserta Yang Layak, akaun Kad-kad Kredit Yang Layak milik Peserta Yang Layak TIDAK BOLEH berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai.
18. Peserta Yang Layak yang berhak menerima Pulangan Tunai akan menerima satu pemberitahuan melalui SMS bahawa Pulangan Tunai telah dikreditkan ke dalam Kad Kredit Yang Layak miliknya. Jumlah Pulangan Tunai juga akan dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Yang Layak yang seterusnya iaitu selepas pengkreditan Pulangan Tunai.
19. Pemberitahuan oleh CIMB akan berdasarkan nombor telefon Peserta Yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB.
20. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit CIMB melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
21. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Pulangan Tunai atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Pulangan Tunai akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Peserta Yang Layak untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

#### **Terma-terma dan Syarat-syarat Umum**

22. Peserta Yang Layak bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
  - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini
  - b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
  - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;



- d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai Muktamad yang diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrik;
    - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
    - (v) apa-apa faktor dalam keadaan di luar jangkaan munasabah CIMB.
23. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai Muktamad jika semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum Pulangan Tunai Muktamad dikreditkan:
- a) Peserta Yang Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
  - b) Kad Kredit Yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang,
  - c) Kad Kredit Yang Layak telah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau CIMB.
24. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia ditentukan:
- a) mengganggu proses penyertaan; dan/ atau
  - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- CIMB memiliki hak untuk memperpanjang, memendekkan, mengakhiri, atau menangguhkan Kempen dengan memberikan pemberitahuan selama tujuh (7) hari calendar kepada Peserta Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - (ii) Notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - (iii) Melalui cara pemberitahuan lain yang CIMB pilih.
- Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pulangan Tunai Muktamad dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.
25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan,

keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada:

- a) Penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Yang Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) Tidak menerima atau kelewatan dalam menerima SMS dan/atau WhatsApp oleh Peserta Yang Layak

melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB.

- 26. a) CIMB menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak melalui:
    - (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/ atau
    - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
    - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/ atau
    - (iv) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMBb) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi.
  - c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
  - d) Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 27. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Peserta Yang Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.
  - 28. Peserta Yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB tidak menanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
    - a) Peserta Yang Layak menyertai kempen ini; dan/ atau
    - b) Peserta Yang Layak menerima, menebus atau menggunakan Pulangan Tunai Muktamad; dan/atau
    - c) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
  - 29. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
    - a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
    - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit Yang Layak semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
  - 30. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.

31. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.
32. Laman Web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pauntan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Peserta Yang Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Peserta Yang Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh Peserta Yang Layak
33. Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon, dan emel:  
Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU),  
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.